



Hendak belajar berenang dapatkan itik,  
hendak belajar memanjat dapatkan tupai

Maksud: Sekiranya hendak mengetahui  
atau menguasai sesuatu perkara,  
belajarlh daripada orang yang ahli  
ataupun pakar dalam bidang tersebut



Sambil menyelam minum air

Maksud: Sekali melakukan pekerjaan dua  
tiga maksud tercapai



Pengayuh sayang dibasahkan, sampan  
tidak akan sampai ke seberang

Maksud: Sesuatu tidak akan tercapai jika  
tidak mahu berusaha dan bersusah payah



Hujan emas di negeri orang, hujan batu di  
negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri

Maksud: Walau banyak kelebihan di negara  
orang, tetap negara sendiri lebih baik lagi



Orang mengantuk disorongkan bantal

Maksud: Memperoleh apa yang benar-  
benar diinginkan/diperlukan




Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

Maksud: Jika mempunyai keinginan / cita-  
cita, seseorang itu akan berusaha dengan  
bersungguh-sungguh untuk mencapainya



Berlayar sambil memapan

Maksud: Melakukan dua pekerjaan atau  
perkara sekali gus



# PERIBAHASA TINGKATAN 4 & 5



Bertangguh itu pencuri masa

Maksud: Melakukan kerja secara  
bertangguh akan merugikan diri sendiri



Takkan lari gunung dikejar

Maksud: Membuat sesuatu kerja biarlah  
dengan cermat dan berhati-hati



Titik peluh

Maksud: Hasil usaha sendiri



Kecil jangan disangka anak, besar  
jangan disangka bapa

Maksud: Pengetahuan dan kelebihan  
itu tidak khusus pada orang-orang  
tua sahaja (selalu juga ada pada  
orang-orang muda)



Kalau takut dilambung ombak,  
jangan berumah di tepi pantai

Maksud: Kalau takut berhadapan  
dengan penderitaan, lebih baik jangan  
melakukan sesuatu yang susah



Kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang

Maksud: Di sebalik sesuatu yang berlaku, pasti ada sebabnya



Kera mendapat bunga

Maksud: Seseorang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain



Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga

Maksud: Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya



Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

Maksud: Jika kita terlanjur dalam melakukan sesuatu perbuatan, eloklah menginsafinya segera



Bagai itik mendapat air

Maksud: Kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai



# PERIBAHASA

## TINGKATAN 4 & 5



Anak buah

Maksud: a. Pekerja di bawah jagaan kita  
b. Anak saudara



Air tenang jangan disangka tiada buaya

Maksud: Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut



Bagaimana acuan, begitulah kuihnya

Maksud: Perangai anak biasanya mengikut orang yang mengasuhnya



Seperti telur di hujung tanduk

Maksud: Dalam keadaan bahaya



Mata air

Maksud: Kekasih, orang kesayangan



Biar putih tulang, jangan putih mata

Maksud: Lebih baik mati kerana berjuang daripada menanggung malu



Kalau tidak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah

Maksud: Sesuatu perkara yang berlaku pasti ada sebabnya



Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa

Maksud: Kerana keceloparan mulut, badan yang menanggung akibatnya



Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi

Maksud: Memperoleh sesuatu yang diinginkan



Yang lama dikek, yang baharu didukung

Maksud: Adat yang lama tetap diamalkan di samping budaya hidup yang baharu



Malang tidak berbau

Maksud: Kecelakaan yang tidak dapat diketahui sebelumnya



Membaca jambatan ilmu

Maksud: Amalan membaca dapat membantu menambahkan pengetahuan



# PERIBAHASA TINGKATAN 4 & 5



Belakang parang kalau diasah lagikan tajam

Maksud: Walau betapa bodoh seseorang itu, jika diajar berulang kali akan pandai juga



Duit saku

Maksud: Wang perbelanjaan



Panas baran

Maksud: Seseorang yang cepat marah



Bapa borek, anak rintik

Maksud: Kelakuan anak kebiasaannya akan mengikut ibu bapanya/orang yang mengasuhnya



Air tangan

Maksud: Masakan seseorang



Alah membeli, menang memakai

Maksud: Walaupun harga sesuatu barang itu mahal sedikit, namun berbaloi kerana kualitinya yang bagus



Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan

Maksud: Contohi sesuatu yang baik tetapi elakkan daripada terikut-ikut sesuatu yang negatif/tidak baik



Hujan halus mentua

Maksud: Hujan sebentar sahaja



Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang

Maksud: Perbezaan zaman yang berubah mengikut peredaran masa



Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

Maksud: Fikir masak-masak sebelum berbuat sesuatu supaya tidak menyesal



Masa itu emas

Maksud: Masa itu sangat berharga



Untung sabut timbul, untung batu tenggelam

Maksud: Menyerahkan nasib kepada takdir




# PERIBAHASA TINGKATAN 4 & 5



Jauhari sahaja yang mengenal manikam

Maksud: Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu.



Indah khabar daripada rupa

Maksud: Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang lebih-lebihkan daripada perkara sebenar




Membuka mata

Maksud:  
a. Melihat dan meluaskan pandangan  
b. Menyedarkan atau menginsafkan orang lain



Nasi sudah menjadi bubur

Maksud: Kesalahan yang tidak dapat dibaiki lagi



Sediakan payung sebelum hujan

Maksud: Berwaspada sebelum ditimpa kesusahan



Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Maksud: Orang yang sama darjat, setaraf



Bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Maksud: Setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan



Ketam mengajar anaknya berjalan betul

Maksud: Orang yang hanya tahu memberi nasihat tetapi dia sendiri tidak melakukan sedemikian



Bukit sama didaki, lurah sama dituruni

Maksud: Sepakat (seia sekata)



Gulung tikar

Maksud: Muflis



Bak cendawan tumbuh selepas hujan

Maksud: Terlalu banyak pada suatu masa



# PERIBAHASA

## TINGKATAN 4 & 5



Disuruh pergi, dipanggil datang

Maksud: Perihal seseorang yang patuh menurut perintah



Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung

Maksud: Di mana-mana tempat berpeluang mencari rezeki, orang akan bertumpu



Anak ayam kehilangan ibu

Maksud: Kesusahan yang dialami oleh seseorang apabila dirinya kehilangan tempat bergantung



Jong pecah yu yang kenyang

Maksud: Dalam keadaan kacau-bilau, pasti ada yang mendapat keuntungan



Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat puncak junjung

Maksud: Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya




Melentur buluh biarlah daripada rebungnya

Maksud: Mendidik anak-anak biarlah ketika anak itu masih kecil



Daripada segenggam, jadi segantang

Maksud: Bernasib baik



Ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk

Maksud: Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat, makin merendah diri



Nama pena

Maksud: Nama yang digunakan oleh penulis pada karyanya



Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji rih sekampung, ikutlah resmi penyu, telur beribu tak siapa tahu

Maksud: Orang yang berusaha dalam senyap beroleh banyak hasil berbanding yang sedikit diperolehi tetapi diheboh-hebohkan



# PERIBAHASA TINGKATAN 4 & 5



Langkah bendul

Maksud: Adik berkahwin lebih dahulu daripada kakaknya



Belukar sudah menjadi rimba

Maksud: Kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi



Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis

Maksud: Selalu berhati-hati supaya tidak tertipu atau kehabisan harta



Bersekutu Bertambah Mutu

Maksud: Bekerjasama antara satu sama lain akan menghasilkan kecemerlangan



Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Maksud: Adat yang tidak berubah, sesuatu yang sudah utuh



Bagai hempeleu lekat di hati

Maksud: Hubungan yang sangat akrab



Bagai pinang dibelah dua  
Bagai cincin dengan permata

Maksud: Pasangan yang sepadan



Pisang tidak berbuah dua kali

Maksud: Sekali tertipu atau kerugian tentu akan berjaga-jaga pada masa akan datang




Bersatu teguh, bercerai roboh  
Serumpun bak serai, sesusun bak sirih

Maksud: Bersatu hati dalam segala hal



Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga

Maksud: Orang merantau yang pulang ke tempat asal



# PERIBAHASA

## TINGKATAN 4 & 5



Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua

Maksud: Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya



Bahasa Menunjukkan Bangsa

Maksud: Bahasa ialah ciri pengenalan atau identiti sesuatu bangsa




Genggam bara api biar sampai jadi arang

Maksud: Membuat sesuatu pekerjaan yang susah, hendaklah sabar dan bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan



Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung

Maksud: Tiap-tiap perbuatan ada peraturannya, tiap-tiap negeri mempunyai kebiasaannya



Adat dikelek, hukum dijunjung

Maksud: Adat dikuatkuasakan dan undang-undang ditegakkan